

PERJANJIAN AKAUN PELABURAN EMAS CIMB BANK melalui CIMB CLICKS

Perjanjian ini berkuat kuasa pada 1 Disember 2018.

Sebagai balasan kepada CIMB Bank Berhad ("Bank") yang membuka Akaun Pelaburan Emas CIMB Bank melalui CIMB Clicks (selepas ini dirujuk sebagai "**GIA melalui CIMB Clicks**") di atas nama saya, saya dengan ini bersetuju terikat oleh terma-terma dan syarat-syarat berikut yang terkandung di dalam ini.

1. TUJUAN GIA melalui CIMB Clicks

Saya mungkin dari semasa ke semasa membeli daripada dan/atau menjual kepada Bank komoditi emas tulen 99.9% (selepas ini dirujuk sebagai "emas") di bawah GIA melalui CIMB Clicks dan apa-apa baki emas yang pada masa itu dibeli tetapi belum dijual balik oleh saya atau diambil penyerahannya selaras dengan terma-terma di dalam ini akan direkodkan di dalam GIA sebagai terhutang oleh Bank kepada saya dan akan ditangani selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang diperuntukkan selepas ini.

2. PEMBUKAAN AKAUN

2.1 Permohonan untuk membuka GIA melalui CIMB Clicks hendaklah dibuat menerusi CIMB Clicks. Penerimaan dan penerusan GIA melalui CIMB Clicks adalah sepenuhnya mengikut budi bicara Bank.

2.2 Saya bersetuju bahawa saya akan mematuhi semua keperluan Bank untuk membuka GIA melalui CIMB Clicks. Dengan membuka GIA melalui CIMB Clicks, saya membuat representasi dan menjamin bahawa saya berumur 18 tahun atau ke atas.

2.3 Saya mengakui bahawa GIA melalui CIMB Clicks hendaklah dikawal oleh dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dibentangkan dalam Perjanjian ini, Akaun Gabungan Yang Ditetapkan, borang standard Bank yang disediakan melalui CIMB Clicks, Syarat Akses Bank mengawal penggunaan CIMB Clicks dan Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks anda ("terma-terma dan syarat-syarat") sebagaimana yang dipinda, diubah dan/atau disemak semula dari semasa ke semasa oleh Bank dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari. Sekiranya wujud sebarang konflik atau percanggahan antara mana-mana terma dan syarat tersebut, terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini akan mengatasi yang lain dan dianggap mengikat terhadap saya.

2.4 Bagi tujuan membuat penyelesaian atau pembayaran penuh untuk emas yang dibeli oleh saya selaras dengan terma-terma di dalam ini, saya dengan ini berakujanji untuk membuka dan memegang akaun simpanan atau akaun semasa dengan Bank (selepas ini dirujuk sebagai "Akaun Gabungan Yang Ditetapkan"). Saya dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit Akaun Gabungan Yang Ditetapkan untuk menjelaskan pembelian emas oleh saya di dalam ini, dan untuk sebarang fi perkhidmatan tahunan, duti setem dan penalti (jika ada) terhadap Perjanjian ini atau sebarang fi dan/atau caj lain yang mungkin ditanggung oleh saya di bawah GIA melalui CIMB Clicks. Saya seterusnya mengakui dan bersetuju bahawa Bank bebas menolak permohonan saya untuk GIA melalui CIMB Clicks sekiranya saya gagal, enggan dan/atau abai membuka Akaun Gabungan Yang Ditetapkan yang dinyatakan di dalam ini atau atas apa-apa alasan lain tanpa memberikan sebarang sebab.

3. PENGISYTIHARAN

3.1 Saya mempunyai kapasiti, hak dan kuasa undang-undang untuk memasuki kontrak bagi pembelian dan penjualan emas.

3.2 Saya memahami bahawa pulangan terhadap GIA melalui CIMB Clicks bergantung kepada turun naik harga emas dan mengesahkan bahawa saya telah memahami mengenai ciri-ciri dan risiko membuka dan memegang GIA melalui CIMB Clicks oleh Bank. Saya memahami dan dengan ini bersetuju untuk menanggung sebarang kerugian berbangkit daripada turun naik harga emas.

3.3 Saya mengiktiraf dan mengakui bahawa pulangan terhadap pelaburan saya dalam emas adalah tidak pasti dan kemungkinan saya menanggung risiko tidak menerima apa-apa pulangan dan/atau mungkin menanggung kerugian. Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya telah dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Perjanjian ini dan keputusan untuk membuka GIA melalui CIMB Clicks adalah berdasarkan pertimbangan saya sendiri dan/atau berdasarkan nasihat bebas yang diperolehi tanpa bergantung kepada apa-apa bahan yang disediakan atau nasihat yang diberikan oleh Bank atau wakilnya.

3.4 Saya bersetuju bahawa Bank tidak mempunyai apa-apa tanggungjawab pun jua kepada saya atas apa-apa pengurangan nilai emas yang dibeli di bawah GIA melalui CIMB Clicks dan untuk sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan lain yang ditanggung atau dialami oleh saya termasuk tetapi tidak terhad kepada pengenaan sebarang cukai dan/atau levi lain berkaitan dengan pewujudan, pengeluaran atau operasi GIA melalui CIMB Clicks atau berhubung dengan penjualan atau pembelian emas yang dipegang berkaitan dengannya.

3.5 Saya memahami dan bersetuju bahawa Bank boleh pada bila-bila masa menggantung dan/atau tidak melaksanakan pembelian dan/atau penjualan emas oleh saya di bawah GIA melalui CIMB Clicks tanpa memberikan sebarang sebab dan dengan ini bersetuju bahawa penggantungan, keengganan untuk melaksanakan pembelian dan/atau penjualan emas oleh saya di bawah GIA melalui CIMB Clicks atau keengganan untuk menerima permintaan pengeluaran oleh saya tidak akan memberikan hak kepada saya atau mana-mana pihak ketiga lain untuk membuat sebarang tuntutan atau menuntut sebarang pampasan terhadap Bank atas sebarang kerugian atau kerosakan langsung atau tidak langsung yang dialami oleh saya atau mana-mana pihak ketiga lain yang berbangkit daripadanya.

3.6 Bila dan apabila dikehendaki, saya akan memberikan kepada Bank sebarang maklumat/penyataan kewangan yang dikehendaki bagi tujuan obligasi pelaporan pengawalseliaan atau untuk apa jua sebab yang dianggap munasabah atau perlu oleh Bank.

4. PEMBELIAN EMAS

4.1 Pembelian emas melalui CIMB Clicks: Bank boleh dari semasa ke semasa menjual emas kepada saya

selaras dengan pesanan pembelian saya menurut peruntukan Perjanjian ini. Setiap pesanan pembelian hendaklah dibuat melalui CIMB Clicks menurut format yang ditetapkan oleh Bank dan hanya boleh diterima oleh Bank jika dibuat oleh saya antara pukul 8:30 pagi dan 11:30 malam pada hari Isnin hingga Ahad, tidak termasuk cuti umum kebangsaan di Malaysia ("Waktu Transaksi"). Saya mengakui dan bersetuju bahawa saya hanya akan dibenarkan membeli dan menjual agregat kumulatif enam ribu (6,000) gram emas sehari dan bahawa setiap pesanan pembelian yang dibuat oleh saya dalam Waktu Transaksi hendaklah tertakluk kepada had lanjut maksimum tiga ratus (300) gram emas setiap pesanan pembelian ('Had Transaksi Pembelian'). Setelah menerima arahan saya untuk membeli emas, Bank hendaklah merekodkan dalam GIA melalui CIMB Clicks kuantiti emas yang dibeli dalam gram, harga emas yang dibeli dalam jumlah bersamaan dengan Ringgit Malaysia, harga emas setiap gram dalam Ringgit Malaysia dan baki emas (dalam gram) pada masa arahan pembelian saya dengan syarat sentiasa bahawa Bank berhak, tanpa mengenakan sebarang liabiliti pun jua terhadap saya dan tanpa notis, membatalkan, membalikkan atau memansuhkan apa-apa pesanan pembelian dan atau transaksi pembelian saya yang dibuat yang melampaui Had Transaksi Pembelian termasuk tetapi tidak terhad kepada pesanan pembelian dan atau transaksi pembelian yang telah dilaksanakan dan atau selesai dicapai dan atau sebarang 'flow on' atau transaksi yang berbangkit yang dilaksanakan oleh saya di bawah Akaun Gabungan Yang Ditetapkan dan atau di bawah mana-mana akaun lain yang dipegang dengan Bank jika transaksi yang dilaksanakan adalah melalui atau disebabkan oleh pesanan pembelian dan atau transaksi pembelian tersebut.

4.2 Bank berhak mengubah Had Transaksi Pembelian dari semasa ke semasa dan akan memberikan notis kepada saya tentang perubahan tersebut.

4.3 Pembelian emas di cawangan CIMB Bank: Bank boleh dari semasa ke semasa menjual emas kepada saya selaras dengan pesanan pembelian saya menurut peruntukan Perjanjian ini. Setiap pesanan pembelian hendaklah dalam borang yang ditetapkan oleh Bank dan hanya akan diterima oleh Bank jika dibuat oleh saya pada hari perniagaan ('hari perniagaan' dalam Perjanjian ini bermaksud waktu perniagaan biasa dalam hari kalendar apabila Bank dibuka kepada orang ramai untuk melaksanakan perniagaan perbankan seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan (FSA) 2013). Apabila menerima arahan bertulis saya untuk membeli emas, Bank hendaklah merekodkan dalam GIA melalui CIMB Clicks, kuantiti emas yang dibeli dalam gram, harga emas yang dibeli dalam jumlah bersamaan dengan Ringgit Malaysia, harga emas setiap gram dalam Ringgit Malaysia dan baki emas (dalam gram) pada masa arahan pembelian saya.

5. PEMBELIAN PERMULAAN MINIMUM DAN PEMBELIAN SETERUSNYA

5.1 Saya dengan ini mengakui bahawa saya hendaklah membuat pembelian permulaan ("pembelian permulaan") yang tidak kurang daripada SATU (1) gram emas atau sebarang kuantiti minimum emas lain yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa menurut budi bicara mutlak tanpa memberikan apa-apa sebab (selepas selama empat belas (14) hari memberikan notis terdahulu kepada

anda oleh Bank.

5.2 Saya bersetuju bahawa selepas pembelian permulaan, setiap pesanan pembelian seterusnya apabila diterima oleh Bank hendaklah tidak boleh batal dan hendaklah untuk:

- (a) tidak kurang daripada SATU (1) gram emas (atau sebarang kuantiti minimum lain yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa); dan
- (b) kuantiti dalam gandaan penuh SATU (1) gram emas (atau sebarang gandaan lain yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa).

6. HARGA PEMBELIAN

6.1 Harga setiap gram bagi setiap pembelian yang dibuat oleh saya adalah harga jualan dalam Ringgit Malaysia (RM) setiap gram yang disebut oleh Bank kepada saya pada masa pesanan pembelian dibuat bergantung kepada sama ada pembelian dibuat melalui CIMB Clicks atau di cawangan Bank. Harga penjualan yang disebut akan ditentukan oleh Bank menurut budi bicara tunggal dan mutlak Bank dengan mengambil kira semua faktor yang dianggapnya relevan, termasuk keadaan pasaran semasa dunia dan tempatan untuk emas, kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (atau sebarang mata wang asing lain yang diguna pakai) dan Ringgit Malaysia dan ketulenan emas.

6.2 Pembelian melalui CIMB Clicks hendaklah dibuat dalam Waktu Transaksi dan atau pada hari perniagaan di cawangan Bank atau menurut sebarang format atau borang yang ditetapkan oleh Bank dan arahan yang terkandung di dalamnya hendaklah dipatuhi dengan ketat.

6.3 Saya hendaklah menjelaskan dengan sepenuhnya sebarang pembelian emas dalam Ringgit Malaysia (atau sebarang mata wang lain yang dibenarkan oleh Bank) melalui debit terus Akaun Gabungan Yang Ditetapkan, atau mana-mana akaun saya yang lain yang dipegang dengan Bank jika dibenarkan oleh Bank. Perjanjian ini bersama-sama dengan pesanan pembelian yang disempurnakan dengan sewajarnya, adalah konklusif dan mengikat terhadap pembelian dan membentuk kuasa yang cukup untuk Bank membuat sebarang debit terhadap Akaun Gabungan Yang Ditetapkan dan/atau mana-mana akaun atau akaun-akaun saya yang lain yang dipegang dengan Bank. Dengan ini dipersetujui dengan nyata bahawa Bank berhak untuk tidak melaksanakan apa-apa pesanan pembelian jika dana dalam Akaun Gabungan Yang Ditetapkan milik saya atau mana-mana akaun lain yang dipegang oleh saya dengan Bank adalah tidak mencukupi.

7. PENJUALAN EMAS

7.1 **Penjualan emas melalui CIMB Clicks:** Saya mengakui dan bersetuju bahawa arahan saya kepada Bank dalam Waktu Transaksi untuk menjual emas dalam GIA melalui CIMB Clicks hendaklah dibuat melalui CIMB Clicks menurut sebarang format yang ditetapkan oleh Bank dan hendaklah tertakluk

kepada sebarang keperluan dan amalan semasa Bank. Selanjutnya, saya mengakui dan bersetuju bahawa saya hanya dibenarkan membeli dan menjual agregat kumulatif enam ribu (6,000) gram emas sehari dan bahawa setiap pesanan untuk penjualan yang dibuat oleh saya dalam Waktu Transaksi adalah tertakluk kepada had lanjut sebanyak maksimum tiga ratus (300) gram emas bagi setiap pesanan penjualan ("Had Transaksi Penjualan"). Apabila setiap penjualan dilaksanakan, Bank akan merekodkan dalam GIA melalui CIMB Clicks, kuantiti emas yang dijual oleh saya dalam gram, harga emas yang dijual dalam jumlah bersamaan dengan Ringgit Malaysia, harga emas yang dijual setiap gram dalam Ringgit Malaysia, dan baki emas (dalam gram) jika ada dalam mana-mana GIA melalui CIMB Clicks dengan syarat bahawa Bank berhak, tanpa menanggung sebarang liabiliti pun jua kepada saya dan tanpa notis, membatalkan, membalikkan atau memansuhkan sebarang arahan penjualan saya dan atau transaksi penjualan yang dibuat yang melebihi Had Transaksi Penjualan termasuk tetapi tidak terhad kepada arahan penjualan dan atau transaksi penjualan yang telah dilaksanakan dan atau selesai dicapai dan atau sebarang 'flow on' atau transaksi yang berbangkit yang dilaksanakan oleh saya di bawah Akaun Gabungan Yang Ditetapkan dan atau di bawah mana-mana akaun lain yang dipegang dengan Bank jika transaksi yang dilaksanakan adalah disebabkan oleh atau kerana arahan penjualan dan atau transaksi penjualan tersebut.

7.2 Bank berhak mengubah Had Transaksi Penjualan dari semasa ke semasa dan akan memberikan kepada saya notis tentang perubahan tersebut.

7.3 **Penjualan emas di cawangan CIMB Bank:** Saya mengakui dan bersetuju bahawa arahan saya kepada Bank pada hari perniagaan, untuk menjual emas dalam GIA melalui CIMB Clicks dengan melengkapkan borang atau dokumen yang ditetapkan oleh Bank mungkin tertakluk kepada sebarang keperluan oleh Bank dan/atau tertakluk kepada amalan Bank yang lazim, dan/atau tertakluk kepada bukti identiti saya sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank. Apabila setiap penjualan dilaksanakan, Bank akan mencatatkan dalam GIA melalui CIMB Clicks, kuantiti emas yang dijual oleh saya dalam gram, harga emas yang dijual dalam jumlah bersamaan Ringgit Malaysia, harga emas yang dijual setiap gram dalam Ringgit Malaysia, dan baki emas (dalam gram) jika ada dalam GIA melalui CIMB Clicks.

7.4 Tertakluk kepada Klausula 17.1, saya akan memastikan bahawa sebarang penjualan emas dalam GIA melalui CIMB Clicks oleh saya tidak akan melanggar keperluan Bank mengenai pengekalan baki minimum emas dalam GIA melalui CIMB Clicks pada setiap masa sebanyak satu (1) gram atau sebarang baki minimum emas lain yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa (selepas memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari yang diberikan anda oleh Bank).

8. PELAKSANAAN PESANAN PENJUALAN

8.1 **Penjualan emas melalui CIMB Clicks:** Arahan saya untuk menjual yang dibuat melalui CIMB Clicks adalah tidak boleh batal apabila diterima oleh Bank dan dianggap oleh Bank sebagai bukti konklusif mengenai bilangan gram emas yang akan dijual oleh saya. Perjanjian ini bersama-sama dengan arahan

untuk menjual yang dibuat oleh saya melalui CIMB Clicks akan dianggap sebagai konklusif dan mengikat terhadap saya.

8.2 Penjualan emas di cawangan CIMB Bank: Pelaksanaan arahan yang wajar oleh saya untuk menjual adalah tidak boleh batal apabila diterima oleh Bank dan kandungan butir-butir yang dilengkapkan dalam borang atau dokumen yang ditetapkan oleh Bank adalah keterangan konklusif tentang bilangan gram emas yang akan dijual. Perjanjian ini bersama-sama dengan arahan yang disempurnakan dengan sewajarnya untuk menjual adalah konklusif dan mengikat terhadap penjualan emas tersebut di cawangan CIMB Bank.

9. KUANTITI MINIMUM PENJUALAN

9.1 Arahan penjualan bertulis oleh saya dan/atau arahan penjualan yang dihantar secara elektronik adalah tidak boleh batal dan hendaklah untuk:-

- (a) tidak kurang daripada SATU (1) gram emas (atau sebarang kuantiti minimum lain yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa); dan
- (b) kuantiti dalam gandaan penuh SATU (1) gram emas (atau sebarang gandaan lain yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa).

10. HARGA PENJUALAN

Setiap penjualan emas oleh saya kepada Bank dalam GIA melalui CIMB Clicks hendaklah pada harga pembelian dalam Ringgit Malaysia (RM) setiap gram seperti yang disebut oleh Bank kepada saya pada masa transaksi tersebut bergantung kepada sama ada penjualan dibuat melalui CIMB Clicks atau di cawangan Bank. Harga pembelian yang disebut hendaklah ditentukan oleh Bank menurut budi bicara tunggal dan mutlaknya dengan mengambil kira semua faktor yang dianggapnya relevan, termasuk keadaan pasaran semasa dunia dan tempatan untuk emas, kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (atau mana-mana mata wang asing lain yang diguna pakai) dan Ringgit Malaysia dan ketulenan emas.

11. HASIL PENJUALAN

11.1 Hasil apa-apa penjualan emas hendaklah dibayar kepada saya dalam Ringgit Malaysia pada hari perniagaan yang sama dengan pelaksanaan pesanan untuk penjualan melalui kredit terus ke dalam Akaun Gabungan Yang Ditetapkan milik saya.

11.2 Pengeluaran hasil apa-apa penjualan emas daripada GIA melalui CIMB Clicks boleh dibuat oleh saya

di mana-mana cawangan Bank. Walau bagaimanapun pengeluaran hasil apa-apa penjualan emas di cawangan selain daripada cawangan di mana GIA melalui CIMB Clicks dibuka adalah tertakluk kepada had maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000-00) sahaja sehari atau sebarang had lain yang boleh ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari.

12. ARAHAN UNTUK PEMBELIAN DAN/ATAU PENJUALAN EMAS MASA HADAPAN MELALUI CIMB CLICKS

12.1 Saya berakujanji untuk memastikan bahawa dana yang cukup disimpan dalam Akaun Gabungan Yang Ditetapkan milik saya atau mana-mana akaun lain yang dipilih oleh saya melalui CIMB Clicks untuk memenuhi arahan saya untuk membeli emas apabila harga emas mencecah pada atau lebih rendah daripada harga emas yang ditetapkan oleh saya dan arahan saya untuk menjual emas apabila harga emas mencecah pada atau melebihi harga emas yang ditetapkan oleh saya ("Pesanan"). Sekiranya dana tidak mencukupi atau tiada dana dalam Akaun Gabungan Yang Ditetapkan milik saya atau akaun lain yang dipilih oleh saya ("ketiadaan dana"), Bank berhak menurut budi bicara mutlaknya untuk tidak melaksanakan Pesanan berkaitan dengan arahan saya untuk membeli emas. Sekiranya Pesanan dilaksanakan oleh Bank menurut budi bicara mutlak Bank atau dilaksanakan berbangkit daripada atau atas apa jua sebab meskipun ketiadaan dana, saya dengan ini bersetuju bahawa (i) Bank akan dianggap atau disifatkan sebagai mempunyai pemberikuasaan penuh daripada saya bagi pembelian emas dan (ii) bahawa atas tuntutan Bank harga pembelian penuh atau baki harga pembelian (mengikut keadaan) bagi pembelian emas hendaklah dijelaskan dengan sepenuhnya oleh saya dengan serta-merta.

12.2 Saya memahami dan bersetuju bahawa saya hanya akan dibenarkan membuat Pesanan melalui CIMB Clicks pada Waktu Transaksi dan menurut Had Transaksi Pembelian dan atau Had Transaksi Penjualan, mengikut keadaan, dan bahawa Pesanan sedemikian hanya akan diproses dan/atau dilaksanakan oleh Bank pada pukul 4 petang keesokan harinya. Jika Bank tidak dapat memenuhi Pesanan tersebut atas apa jua sebab, termasuk jika harga penjualan dan/atau pembelian emas tidak sama, Bank akan terus memproses Pesanan pada setiap hari selepas itu pada pukul 4 petang bagi tempoh sehingga tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan Pesanan saya oleh Bank ("Tempoh"). Jika Pesanan masih tidak dipenuhi selepas Tempoh, saya mengakui dan bersetuju bahawa Pesanan yang dibuat oleh saya itu akan dibatalkan dan tidak dilaksanakan oleh Bank. Bagi setiap pembelian atau penjualan emas yang berjaya di bawah atau selaras dengan Pesanan saya, saya memahami dan bersetuju bahawa saya akan dimaklumkan tentangnya oleh Bank melalui posting di halaman 'CIMB Clicks Successful Transaction' saya. Saya seterusnya memberi kuasa kepada Bank untuk menghantar sistem pesanan ringkas (sms) kepada nombor mudah alih saya yang didaftarkan dalam rekod Bank untuk setiap pembelian atau penjualan emas yang berjaya dilaksanakan di bawah atau selaras dengan Pesanan saya. Saya mengakui bahawa saya bertanggungjawab memastikan bahawa notis-notis yang dihantar oleh Bank tidak didedahkan kepada atau diberikan akses kepada mana-mana pihak lain ('pendedahan kepada pihak ketiga'). Bank tidak bertanggungjawab atas sebarang

perasaan malu, kerugian atau kerosakan pun jua berbangkit daripada pendedahan kepada pihak ketiga oleh saya.

12.3 Saya memahami dan bersetuju bahawa meskipun Bank akan berusaha sedaya-upaya untuk melaksanakan Pesanan, Bank tidak menanggung sebarang tanggungjawab untuk melaksanakannya dan oleh itu, Bank tidak akan menanggung apa-apa liabiliti atas sebarang kesilapan, keengganan atau keabaiian untuk melaksanakan semua atau mana-mana Pesanan atau disebabkan oleh sebarang kelewatan untuk melaksanakan Pesanan atau melalui sebarang keabaiian untuk mematuhi Pesanan sedemikian.

12.4 Pesanan akan terus berkuat kuasa untuk melindungi Bank berhubung dengan semua pembelian dan/atau penjualan emas yang dibuat meskipun saya meninggal dunia atau menjadi bankrap atau pembatalan Pesanan melalui apa-apa cara lain sehingga notis tentang kematian atau kebangkrapan saya atau tentang pembatalan tersebut diterima oleh Bank.

13. PENGAKUAN PELANGGAN

13.1 Saya dengan ini dengan nyata mengakui dan bersetuju bahawa:-

13.1.1 Bank tidak mempunyai sebarang kewajipan dan/atau liabiliti dalam apa jua keadaan untuk menyerahkan (sama ada di Malaysia atau di mana-mana jua tempat lain di dunia) sebarang atau semua emas yang dibeli seperti yang disebut sebelum ini secara fizikal atau in specie kepada saya dan saya tidak berhak dan tidak akan pada bila-bila masa berhak menuntut dan/atau meminta penghantaran sedemikian.

13.1.2 Bank tidak mempunyai sebarang kewajipan dan/atau liabiliti dalam apa jua keadaan untuk mengasingkan, mengetepikan dan/atau memperuntukkan apa-apa emas yang pada masa itu dan dari semasa ke semasa dipegang oleh Bank kepada saya dan/atau mana-mana GIA melalui CIMB Clicks dan saya tidak mempunyai hak dan tidak berhak pada bila-bila masa untuk menuntut dan/atau meminta pengasingan, pengetepian dan/atau peruntukan tersebut.

13.1.3 Bank tidak akan dalam apa jua cara dianggap sebagai baili dan/atau pemegang amanah saya berkaitan dengan sebarang atau semua emas yang pada masa itu terhutang dan kena dibayar oleh Bank kepada saya dalam GIA melalui CIMB Clicks.

13.1.4 Sekiranya saya ingin menjual emas dalam GIA melalui CIMB Clicks, Bank dengan mutlak dan dengan konklusif akan dianggap telah melaksanakan semua obligasinya apabila Bank:

(a) membeli emas daripada saya; dan

(b) membayar dan/atau mengkreditkan hasil penjualan seperti yang diperuntukkan dalam Klausa 11.1 di atas.

- 13.1.5 Pengendalian GIA melalui CIMB Clicks adalah terbatas kepada pembelian emas daripada Bank dan penjualan emas kepada Bank melalui GIA melalui CIMB Clicks yang berkenaan dan jika saya ingin menutupnya, saya hanya berhak berbuat demikian dengan menjual semua emas di dalamnya kepada Bank pada harga pembelian yang akan disebut oleh Bank pada masa penjualan tersebut dan menerima hasil penjualannya dalam Ringgit Malaysia selaras dengan peruntukan di dalam ini.
- 13.1.6 Butir-butir dan perincian yang dilengkapkan oleh saya di dalam apa-apa borang yang ditetapkan oleh Bank untuk membeli emas daripada Bank, untuk menjual emas dalam GIA melalui CIMB Clicks kepada Bank atau untuk mengeluarkan emas daripada GIA melalui CIMB Clicks dan/atau butir-butir atau perincian yang direkodkan di bawah GIA melalui CIMB Clicks dan/atau Akaun Gabungan Yang Ditetapkan hendaklah diterima oleh saya sebagai bukti konklusif mengenai butir-butir yang terkandung di dalamnya termasuk tetapi tidak terhad kepada butir-butir berkaitan dengan tarikh dan kuantiti emas yang dibeli atau dijual.
- 13.1.7 Jumlah maksimum emas yang boleh dijual oleh saya pada bila-bila masa adalah terbatas kepada baki sebenar emas yang pada masa itu disimpan dalam GIA melalui CIMB Clicks dan tertakluk kepada kuantiti minimum emas yang hendaklah disimpan dalam GIA melalui CIMB Clicks seperti yang ditetapkan oleh Bank. Sekiranya semua emas saya dalam GIA melalui CIMB Clicks dijual, GIA melalui CIMB Clicks hendaklah ditutup.
- 13.1.8 Bahawa tiada sebarang jenis jongkong emas yang boleh dihantar ke Bank secara fizikal untuk disimpan ke GIA melalui CIMB Clicks saya dan Bank berhak untuk menolak deposit tersebut.
- 13.1.9 Kecuali emas dalam GIA melalui CIMB Clicks saya, Bank tidak mempunyai sebarang kewajipan untuk membeli daripada saya dan berhak menolak apa-apa tawaran untuk penjualan sebarang emas oleh saya sama ada yang sama ketulenannya atau apa-apa jenis lain.
- 13.1.10 Saya akan bertanggungjawab untuk sebarang cukai dan/atau levi yang perlu dibayar terhadap GIA melalui CIMB Clicks atau untuk emas yang dibeli dan/atau dijual di bawah GIA melalui CIMB Clicks.
- 13.1.11 Bank akan pada bila-bila masa, menurut budi bicaranya, menggantung operasi GIA melalui CIMB Clicks tanpa sebarang notis terdahulu dan tanpa perlu memberikan apa-apa sebab jua jika Bank mengesyaki bahawa GIA melalui CIMB Clicks digunakan untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang.
- 13.1.12 Saya hendaklah memastikan pada semua masa mematuhi peruntukan semasa di bawah Notis mengenai Peraturan-peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan sebarang notis relevan lain yang dikeluarkan selaras dengan Akta

Perkhidmatan Kewangan 2013 dan apa-apa pindaan padanya dan sebarang undang-undang dan peraturan lain yang berkuat kuasa di Malaysia.

13.1.13 Saya menyedari dan memahami bahawa GIA melalui CIMB Clicks bukan produk yang jumlah prinsipalnya dilindungi dan bukan akaun yang diberikan faedah dan tidak diinsuranskan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

13.1.14 Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau ketinggalan untuk melaksanakan apa-apa arahan saya untuk membeli dan/atau menjual emas.

14. KEMATIAN ATAU KETIDAKUPAYAAN PELANGGAN

Sekiranya saya mengalami sebarang ketidakupayaan atau keilangan, Bank berhak bertindak selaras dengan arahan yang diberikan oleh saya tertakluk kepada kepatuhan dengan sebarang keperluan atau prosedur yang ditentukan oleh Bank menurut budi bicara mutlaknya dari semasa ke semasa.

15. TANGGUNG RUGI DAN PEMBatasan LIABILITI

Bank tidak akan bertanggungjawab untuk dan saya dengan ini secara bersama dan berasingan bersetuju dan berakujanji untuk menanggung rugi dan terus menanggung rugi Bank dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan atas semua kerugian, kos, dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh saya atau Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengenaan sebarang cukai dan/atau levi lain berhubung dengan kewujudan, pengeluaran atau operasi GIA melalui CIMB Clicks atau berhubung dengan pelaksanaan oleh Bank terhadap apa-apa arahan untuk penjualan atau pembelian emas yang dipegang berkaitan dengannya (meskipun arahan tersebut mungkin palsu atau tanpa kebenaran) kecuali berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuai melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh Bank.

16. PENUTUPAN GIA MELALUI CIMB CLICKS

16.1 Sekiranya saya ingin menutup GIA melalui CIMB Clicks, saya berhak berbuat demikian dengan menjual semua emas di dalamnya kepada Bank pada harga pembelian yang disebut oleh Bank pada masa penjualan dan semua hasil penjualan daripadanya akan dibayar kepada saya dalam Ringgit Malaysia dengan mengkreditkan Akaun Gabungan Yang Ditetapkan.

16.2 Saya mengakui dan bersetuju bahawa GIA melalui CIMB Clicks hanya boleh ditutup apabila saya meminta penutupan secara peribadi di cawangan Bank. Pasport/MyKad/sijil kematian yang sah hendaklah dikemukakan bagi penutupan GIA melalui CIMB Clicks. Saya hendaklah mematuhi semua

keperluan semasa Bank bagi penutupan GIA melalui CIMB Clicks yang dinyatakan di dalamnya dan/atau yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa (selepas memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari yang diberikan anda oleh Bank).

16.3 GIA melalui CIMB Clicks akan dianggap ditutup jika kelihatan dalam buku Bank sebagai mempunyai baki sifar, apabila semua emas yang ada dalam GIA melalui CIMB Clicks dikeluarkan atau melalui operasi undang-undang.

16.4 Saya akan mematuhi semua keperluan Bank, jika ada, bagi penutupan GIA melalui CIMB Clicks. Bank boleh mengenakan caj perkhidmatan untuk menutup GIA melalui CIMB Clicks.

16.5 Bank berhak untuk menutup GIA melalui CIMB Clicks menurut budi bicara mutlak Bank, tanpa perlu memberikan apa-apa sebab, dengan memberikan notis kepada saya. Sekiranya terdapat sebarang emas dalam GIA melalui CIMB Clicks, saya dengan ini dengan tidak boleh batal memberi kuasa kepada Bank untuk menjual emas tersebut dalam apa jua cara dan berdasarkan apa-apa terma dan syarat yang dianggap wajar oleh Bank. Hasil penjualan akan dikreditkan ke dalam Akaun Gabungan Yang Ditetapkan. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, jika ada, dalam penjualan emas atau atas sebarang kerugian atau susut nilai emas berbangkit daripada atau atas apa jua sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada turun naik harga emas dan/atau turun naik kadar pertukaran mata wang. Saya dengan nyata dan dengan tidak boleh batal bersetuju bahawa pertimbangan dan budi bicara Bank berhubung dengan penentuan masa, harga dan terma-terma penjualan emas adalah muktamad, mengikat dan konklusif dan tidak boleh dipersoalkan oleh saya atas sebarang sebab pun jua.

17. CAJ BANK

17.1 Saya dengan ini bersetuju dan berakujanji untuk membayar kepada Bank semua caj perkhidmatan atau transaksi berhubung atau berkaitan dengan GIA melalui CIMB Clicks selaras dengan amalan semasa Bank dan caj perkhidmatan atau transaksi tersebut akan didebit daripada Akaun Gabungan Yang Ditetapkan milik saya dan/atau mana-mana akaun lain yang dipegang oleh saya dengan Bank tanpa notis terdahulu. Sekiranya berlaku apa-apa perubahan pada fi dan caj yang dikenakan terhadap GIA melalui CIMB Clicks, makluman tentang perubahan tersebut hendaklah disampaikan kepada saya selewat-lewatnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh berkuatkuasanya perubahan tersebut. Makluman tersebut akan disampaikan kepada saya secara bertulis, atau melalui cara elektronik atau dipaparkan di ruang perbankan atau laman web Bank dan di dua ruang iklan surat khabar utama.

17.2 Bagi tujuan ini, saya hendaklah membayar caj tersebut dengan memastikan dana dalam Akaun Gabungan Yang Ditetapkan atau akaun lain milik saya mencukupi pada semua masa untuk Bank mendebitnya.

17.3 Bank diberi kuasa untuk mendebit Akaun Gabungan Yang Ditetapkan milik saya untuk fi perkhidmatan tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Lima (RM5.00) atau sebarang jumlah lain yang boleh

ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa (selepas memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari yang diberikan anda oleh Bank), yang mana fi perkhidmatan perlu dibayar pada hari pertama dan bulan pertama dalam tahun kalendar berikutnya iaitu 1^{hb} Januari jika baki emas dalam GIA melalui CIMB Clicks setakat 31^{hb} Disember adalah kurang daripada 5 gram atau sebarang kuantiti minimum emas lain yang boleh ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa (selepas memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari yang diberikan anda oleh Bank).

18. HAK UNTUK MENGGABUNGAN AKAUN DAN TOLAKAN

18.1 Di samping sebarang lien am atau hak yang serupa yang berhak dilaksanakan oleh Bank di sisi undang-undang, Bank bebas dan dengan ini diberi kuasa dan mempunyai kuasa pada bila-bila masa, untuk menggabungkan dan menyatukan semua atau mana-mana akaun saya (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang akaun overdraf, pinjaman, semasa, simpanan, deposit tetap dan GIA melalui CIMB Clicks) yang dipegang dengan Bank kini atau selepas ini dan/atau menolak dan/atau memindahkan sebarang wang, hak, kepentingan dan/atau liabiliti yang terhutang oleh saya kepada Bank di dalam atau di bawah mana-mana satu atau lebih daripada satu akaun tersebut, untuk atau bagi tujuan menjelaskan apa-apa liabiliti yang terhutang oleh saya kepada Bank terhadap mana-mana akaun atau akaun-akaun lain, atau dari sebarang segi lain termasuk sebarang cukai dan sebarang jumlah lain yang terhutang dan kena dibayar kepada Bank, sama ada liabiliti kepada Bank tersebut adalah sebenar, kontingen, utama, kolateral, berasingan, berasingan atau dalam mata wang lain.

18.2 Bank boleh pada bila-bila masa tanpa notis kepada saya dan tanpa mendapatkan kebenaran atau keizinan saya, menjual emas atau mana-mana bahagian daripadanya, dalam GIA melalui CIMB Clicks dalam sebarang cara dan berdasarkan sebarang terma dan syarat yang dianggap wajar oleh Bank, dan hasil apa-apa penjualan tersebut hendaklah digunakan untuk atau bagi tujuan membayar balik sebarang wang yang terhutang dan kena dibayar oleh saya. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian, jika ada, dalam penjualan emas atau atas sebarang kerugian atau susut nilai emas berbangkit daripada atau atas apa jua sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada turun naik harga emas dan/atau turun naik kadar pertukaran mata wang. Saya dengan nyata dan dengan tidak boleh batal bersetuju bahawa pertimbangan dan budi bicara Bank berhubung dengan penentuan masa, harga dan terma-terma penjualan emas adalah muktamad, mengikat dan konklusif dan tidak boleh dipersoalkan oleh saya atas sebarang sebab pun jua.

18.3 Meskipun sifat am peruntukan dalam Klausula 18.1 dan 18.2, Bank mengakui bahawa Bank akan memberikan kepada pemegang akaun GIA melalui CIMB Clicks notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari mengenai niat Bank untuk menggabungkan dan menyatukan semua atau mana-mana akaun saya atau untuk melaksanakan apa-apa hak tolakan atau untuk menjual emas dalam GIA melalui CIMB Clicks bagi tujuan menjelaskan apa-apa baki debit dan/atau liabiliti yang terhutang oleh saya kepada Bank terhadap mana-mana akaun pinjaman saya.

19. HAK BANK UNTUK MENGASINGKAN GIA MELALUI CIMB CLICKS SEBAGAI CAGARAN

Di samping dan tanpa prejudis kepada Klausa 18 di atas, saya dengan ini bersetuju bahawa Bank bebas dan dengan ini secara tidak boleh batal diberi kuasa oleh saya untuk menahan dan/atau mengasingkan dari semasa ke semasa tanpa pengetahuan atau kebenaran terdahulu saya, seberapa banyak emas yang pada masa itu direkodkan dalam GIA melalui CIMB Clicks saya yang dianggap wajar oleh Bank menurut budi bicara tunggal dan mutlak Bank, sebagai cagaran untuk pembayaran sebarang atau semua wang dan/atau liabiliti yang terhutang atau perlu dibayar oleh saya kepada Bank terhadap sebarang akaun atau akaun-akaun lain pun jua (sama ada sebenar atau kontingen, bersama atau berasingan) jika saya gagal membayar kepada Bank apa-apa jumlah yang kena dibayar tetapi belum dibayar oleh saya kepada Bank seperti yang dituntut, dan/atau selaras dengan apa-apa Perintah Mahkamah atau arahan yang mengikat Bank.

20. PEMBEKUAN GIA MELALUI CIMB CLICKS

20.1 Tanpa prejudis terhadap dan tanpa menjejaskan sebarang hak lain yang boleh dilaksanakan oleh Bank untuk membekukan GIA melalui CIMB Clicks pada bila-bila masa selaras dengan atau menurut sebarang undang-undang, perintah mahkamah, peraturan dan atau enakmen, Bank berhak pada bila-bila masa, menurut budi bicara tunggal dan mutlaknya dan tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu, menahan diri daripada menguatkuasakan atau melaksanakan sebarang arahan atau transaksi di dalam GIA melalui CIMB termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana satu atau lebih daripada satu atau semua arahan atau transaksi berikut (a) pembelian sebarang emas di bawah atau ke dalam GIA melalui CIMB Clicks; (b) penjualan sebarang emas di bawah atau keluar daripada GIA melalui CIMB Clicks (“Pembekuan GIA melalui CIMB Clicks”) apabila berlaku mana-mana satu peristiwa berikut:-

- (a) Bank dimaklumkan bahawa saya telah melakukan suatu tindakan kebangkrapan dan/atau notis kebangkrapan dan/atau petisyen pemiutang untuk kebangkrapan, mengikut keadaan, telah difailkan atau dikemukakan terhadap saya (“hal-hal insolvensi pemegang akaun”);
- (b) Bank dimaklumkan dan diminta oleh mana-mana pihak berkuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau kerajaan lain (“pihak berkuasa berkaitan”) agar menahan diri daripada melaksanakan sebarang transaksi di bawah GIA melalui CIMB Clicks seperti yang dinyatakan di atas tidak kiralah sama ada pihak berkuasa berkaitan mempunyai kuasa di sisi undang-undang atau kuasa yang sah untuk membuat permintaan tersebut kepada Bank (“arahan pihak berkuasa berkaitan”).

20.2 Pembekuan GIA melalui CIMB Clicks akan dihentikan atau ditamatkan apabila berlaku mana-mana satu peristiwa berikut:

- (a) Berhubung dengan hal-hal insolvensi pemegang akaun, saya hendaklah mengemukakan bukti yang wajar kepada Bank hingga memuaskan hati Bank, bahawa notis kebangkrapan atau petyisyen pemiutang untuk kebangkrapan telah ditarik balik secara sah oleh pempetyisyen atau ditolak atau dibatalkan oleh mahkamah atau apabila perintah mahkamah yang suaimanfaat yang membenarkan atau memerintahkan penamatan Pembekuan GIA melalui CIMB Clicks disampaikan kepada Bank;
- (b) Berhubung dengan arahan pihak berkuasa berkaitan, Bank telah dimaklumkan secara bertulis oleh pihak berkuasa berkaitan untuk melaksanakan penamatan Pembekuan GIA melalui CIMB Clicks atau secara alternatif, perintah mahkamah yang suaimanfaat yang membenarkan atau memerintahkan penamatan Pembekuan GIA melalui CIMB Clicks telah disampaikan kepada Bank.

20.3 Dengan membekukan GIA melalui CIMB Clicks selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini, saya bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan untuk fitnah dan atau kemungkiran kontrak dan atau atas sebarang kerugian, gantirugi, perbelanjaan, kos atau caj pun jua yang mungkin dituntut terhadap Bank oleh saya atau oleh mana-mana orang lain atas apa jua sebab. Berhubung dengan perkara ini, saya selanjutnya bersetuju dan berakujanji untuk menanggung rugi Bank dengan sepenuhnya terhadap sebarang tuntutan untuk gantirugi, kerugian, perbelanjaan, caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin dibuat terhadap Bank oleh mana-mana orang lain.

20.4 Saya seterusnya bersetuju bahawa jika Bank didakwa atau dijadikan pihak dalam sebarang guaman berbangkit daripada tindakan Bank yang Membekukan GIA melalui CIMB Clicks di dalam ini atau jika Bank, sebelum atau selepas Pembekuan GIA melalui CIMB Clicks, memulakan sebarang guaman termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang prosiding interplider terhadap mana-mana pihak termasuk saya untuk apa-apa relief atau deklarasi yang suaimanfaat yang akan dibuat oleh mana-mana mahkamah, semua penalti, kerugian, gantirugi, tuntutan, perbelanjaan, caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin diberikan oleh mahkamah terhadap Bank atau yang mungkin ditanggung oleh Bank hendaklah ditanggung rugi dengan sepenuhnya oleh saya.

20.5 Dengan bertindak selaras dengan mana-mana terma, syarat dan peruntukan di dalam ini, saya bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian, gantirugi, perbelanjaan atau kos pun jua yang mungkin dituntut terhadap Bank atas alasan bahawa Bank belum dimaklumkan tentang peristiwa berkaitan yang disebut dalam Klausula 20.1 di dalam ini kerana maklumat tersebut adalah tidak teratur, tidak sah, salah, tersilap, batal, tidak berkesan atau atas sebarang alasan lain pun jua.

21. PENYERAHAN HAK TIDAK DIBENARKAN

Semua hak, hakmilik, manfaat dan kepentingan di bawah Akaun Gabungan Yang Ditetapkan, GIA melalui CIMB Clicks dan emas yang dirangkum di dalamnya tidak boleh dipindahkan dan tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh dijadikan tertakluk kepada apa-apa sandaran, gadaian, gadai janji atau dijadikan tertakluk kepada apa-apa lien dan/atau sebarang bentuk bebanan atau cagaran lain kecuali jika diwujudkan memihak kepada Bank.

22. PENDEDAHAN

22.1 Tertakluk kepada peruntukan di bawah yang (i) melarang pendedahan maklumat kepada Syarikat-syarikat Kumpulan jika dibantah oleh saya; dan (ii) menghendaki kebenaran nyata daripada saya untuk pendedahan maklumat kepada pihak ketiga bagi tujuan yang dinyatakan, saya dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan kepada mana-mana agen, penyedia perkhidmatan, juruaudit, peguam, penasihat profesionalnya, penyedia cagaran dan penjaminnya di dalam atau di luar Malaysia dan kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan Bank serta syarikat-syarikat dalam kumpulan CIMB Group Holdings Berhad, syarikat induk muktamad Bank ("Syarikat-syarikat Kumpulan") sama ada Syarikat-syarikat Kumpulan tersebut menetap, terletak, menjalankan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia sebarang maklumat berkaitan dengan saya, urusan saya dan/atau sebarang akaun yang dipegang oleh saya dengan Bank untuk memudahkan perniagaan, operasi, kemudahan dan perkhidmatan oleh atau diberikan atau disediakan oleh Bank dan/atau Syarikat-syarikat Kumpulan kepada pelanggan mereka.

22.2 Selanjutnya, sekiranya saya meninggal dunia, Bank dengan ini diberi kuasa untuk mendedahkan maklumat akaun saya kepada Amanah Raya Berhad atau mana-mana badan lain yang dilantik oleh pihak berkuasa untuk melaksanakan fungsi pemegang amanah awam dan/atau kepada mana-mana peguamcara yang dilantik oleh waris dekat saya berkaitan dengan apa-apa permohonan untuk geran probet atau surat kuasa mentadbir.

22.3 Pendedahan kepada Syarikat-syarikat Kumpulan adalah bagi tujuan memudahkan operasi, perniagaan, penjualan silang dan tujuan lain Bank dan/ atau Syarikat-syarikat Kumpulan dengan syarat sentiasa bahawa pendedahan bagi tujuan penjualan silang tidak akan dilakukan jika pendedahan dibantah oleh saya dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada saya): Level 17, Menara CIMB, No 1 Jalan Stesen Sentral 2, 50470 Kuala Lumpur No. Tel.: 03-6204 7788.

22.4 Selanjutnya, jika Bank bercadang untuk berkongsi maklumat saya (tidak termasuk maklumat berkaitan dengan urusan atau akaun saya) dengan pihak ketiga bagi tujuan perikatan strategik, pemasaran dan promosi, Bank hendaklah memastikan bahawa kebenaran saya diperolehi. Jika saya telah memberikan kebenaran untuk pendedahan maklumat saya kepada pihak ketiga bagi tujuan pemasaran, promosi dan perikatan strategik, saya dengan ini selanjutnya bersetuju bahawa semua

bahan pemasaran, promosi dan sebarang dokumen lain berkaitan dengannya boleh dihantar kepada saya melalui: pos, e-mel, sistem pesanan ringkas (SMS) atau telefon sebagai "pilihan makluman".

22.5 Saya dengan ini bersetuju dan dengan nyata memberi kuasa dan mempelawa pekerja, kontraktor bebas, wakil dan/atau agen Bank untuk menghubungi saya dari semasa ke semasa melalui lawatan peribadi atau komunikasi lisan yang dilaksanakan melalui sebarang bentuk komunikasi termasuk tetapi tidak terhad kepada panggilan telefon tentang sebarang promosi.

22.6 Tanpa menjejaskan perkara yang disebut sebelum ini dan berdasarkan alamat pos, alamat e-mel, nombor telefon dan atau sebarang butir-butir hubungan saya yang lain yang disimpan atau direkodkan dengan Bank, Bank dengan ini secara tidak boleh batal, dibenarkan (tetapi tidak mempunyai obligasi) untuk menghubungi dan/atau memaklumkan saya melalui pos dan atau mel elektronik dan atau telefon dan atau perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) dan atau perkhidmatan kurier dan atau sebarang kaedah komunikasi lain yang dipilih oleh Bank mengikut budi bicara tunggalnya. Maklumat atau makluman yang dihantar oleh Bank akan merangkum sebarang maklumat atau makluman yang dianggap sesuai atau perlu oleh Bank dan boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang maklumat tentang GIA melalui CIMB Clicks dan atau sebarang maklumat berkaitan dengan apa-apa perkhidmatan, manfaat, promosi, program Bank dan atau mana-mana pihak lain yang diadakan secara bersama dengan Bank.

22.7 Saya dengan ini mengakui bahawa saya telah mengakses dan/atau membaca Notis Privasi yang dikeluarkan oleh Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di semua cawangan CIMB Bank serta di laman web CIMB di www.cimbbank.com.my atau yang disediakan kepada saya) dan mengesahkan persetujuan saya kepada yang sama.

23. PENGGANTUNGAN PENJUALAN DAN PEMBELIAN

Meskipun sebarang peruntukan yang menyatakan sebaliknya dan/atau sebarang kewajipan atau obligasi nyata atau tersirat di pihak Bank, dengan ini dipersetujui dengan nyata bahawa Bank hendaklah, menurut budi bicara mutlaknya, berhak atas apa jua sebab (i) untuk tidak menerima sebarang arahan untuk penjualan atau pembelian emas dan/atau (ii) untuk menyebut sebarang harga pada bila-bila masa termasuk tetapi tidak terhad kepada dalam tempoh apabila dagangan dalam emas digantung di Bursa Emas Malaysia atau mana-mana bursa emas di mana-mana bidang kuasa lain.

24. NOTIS

24.1 Notis kepada saya oleh Bank tidak kira sifatnya boleh, atas pilihan Bank, disampaikan kepada saya melalui mana-mana cara berikut:-

- (i) melalui penerbitan sekali dalam satu atau lebih daripada satu akhbar pilihan Bank; dan/atau

- (ii) melalui pos biasa ke alamat saya dalam rekod Bank; dan/atau
- (iii) melalui sistem pesanan ringkas (SMS) ke nombor mudah alih saya dalam rekod Bank atau mel elektronik ke alamat e-mel saya dalam rekod Bank; dan/atau
- (iv) dengan meletakkan notis di ruang perbankan Bank dan di laman web Bank.

24.2 Komunikasi yang dibuat oleh Bank di bawah ini hendaklah dianggap diterima atau disampaikan kepada saya:-

- (i) pada tarikh penerbitan pertama dalam mana-mana akhbar pilihan Bank jika komunikasi dilaksanakan oleh Bank selaras dengan peruntukan Klausula 24.1(i) di atas; dan/atau
- (ii) tiga (3) hari selepas tarikh pengeposan notis kepada saya melalui pos biasa jika komunikasi dibuat atau dilaksanakan oleh Bank selaras dengan peruntukan Klausula 24.1(ii) di atas; dan/atau
- (iii) pada tarikh notis dihantar melalui SMS atau mel elektronik kepada saya selaras dengan peruntukan Klausula 24.1(iii) di atas; dan/atau
- (iv) pada tarikh notis diletakkan di ruang perbankan dan laman web Bank.

24.3 Atas pilihan Bank, semua dokumen mahkamah yang ingin disampaikan kepada saya di dalam dan di luar bidang kuasa Mahkamah Tinggi Malaysia boleh disampaikan kepada saya melalui pos.

25. ALAMAT DAN BUTIR-BUTIR

Saya bersetuju untuk dengan serta-merta memaklumkan kepada Bank secara bertulis tentang apa-apa perubahan alamat, alamat e-mel, tandatangan dan/atau butir-butir lain yang direkodkan dengan Bank. Jika tidak, Bank berhak bergantung kepada alamat, alamat e-mel dan butir-butir yang terakhir didaftarkan dengan Bank sebagai benar dan tepat.

26. REKOD MASUKAN DALAM GIA MELALUI CIMB CLICKS DAN REKOD BANK

26.1 Tertakluk kepada Klausula 26.2 di bawah, saya mengakui bahawa Bank akan merekod penyertaan semua urusan niaga yang dilakukan oleh saya di bawah GIA melalui CIMB Clicks dan saya dikehendaki menyemak semula urusan niaga yang dicatatkan dalam sejarah urusan niaga dalam talian dan dengan serta-merta memberitahu Bank tentang sebarang kesilapan, penyelewengan, percanggahan, tuntutan atau transaksi/penyertaan yang tidak dibenarkan. Sekiranya saya gagal memaklumkan kepada Bank tentang sebarang kesilapan, penyelewengan, percanggahan, tuntutan atau transaksi/penyertaan yang tidak dibenarkan dalam sejarah urusan niaga dalam talian dalam masa 14 hari dari tarikh urusan niaga/penyertaan tersebut dikemas kini ke dalam GIA melalui CIMB Clicks saya, maka saya akan dianggap telah menerima semua transaksi/penyertaan yang terkandung dalam GIA melalui CIMB Clicks sebagai benar dan tepat dalam semua aspek.

26.2 Rekod Bank mengenai baki dan/atau transaksi yang dilaksanakan di bawah GIA melalui CIMB Clicks akan dianggap sebagai konklusif dan mengikat ke atas saya (kecuali dan melainkan kesilapan nyata).

27. INTERPRETASI

28.1 Semasa mentafsirkan Perjanjian ini dan terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam ini, kecuali konteks menghendaki sebaliknya, kata-kata yang menandakan bilangan mufrad hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya, dan kata-kata yang menandakan jantina lelaki hendaklah termasuk perempuan dan/atau neutral dan sebaliknya.

27.2 Tajuk klausa dimasukkan bagi kemudahan rujukan semata-mata dan tidak akan diambil kira semasa mentafsirkan Perjanjian ini.

27.3 Sekiranya terdapat apa-apa perkara yang tidak konsisten, konflik, kesamaran atau percanggahan antara teks Terma-terma dan Syarat-syarat ini dalam Bahasa Inggeris atau mana-mana versi lain, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi yang lain. Meskipun perkara yang disebut sebelum ini, jika permintaan dibuat oleh saya versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Malaysia, maka terma-terma dan syarat-syarat versi Bahasa Malaysia akan mengawal operasi GIA melalui CIMB Clicks, maka versi terma-terma dan syarat-syarat dalam Bahasa Malaysia mengenai Perjanjian ini akan mengatasi yang lain.

28. PERUBAHAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

28.1 Saya dengan ini bersetuju bahawa Bank merizab hak pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari, menambah terma-terma dan syarat-syarat baru atau meminda, memotong, mengubah atau memodifikasi apa-apa terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini, dalam Akaun Gabungan Yang Ditetapkan dan borang standard Bank. Sebarang perubahan, tambahan, pemotongan, modifikasi atau pindaan ("Pindaan") akan mengikat saya dan dianggap menarik perhatian saya oleh paparan di Bank atau notis yang dihantar oleh Bank ke alamat terakhir saya atau diiklankan dalam satu akhbar pilihan Bank, atau melalui laman web CIMB Clicks, atau SMS ke nombor mudah alih saya di dalam rekod Bank atau mel elektronik ke alamat e-mel saya di dalam rekod Bank atau dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh Bank dan Pindaan itu dianggap mengikat saya dari tarikh pemberitahuan mengenai Pindaan atau dari tarikh lain yang ditentukan oleh Bank dalam pemberitahuan itu.

28.2 Di samping terma-terma dan syarat-syarat Bank, operasi GIA melalui CIMB Clicks hendaklah dikawal oleh dan tertakluk kepada peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-Bank Malaysia dan badan-badan atau persatuan yang berkaitan sama ada peraturan, peraturan dan garis panduan tersebut mempunyai kuasa undang-undang.

29. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL DAN BIDANG KUASA

Undang-undang Malaysia akan mengawal dan dikenakan terhadap Perjanjian ini, GIA melalui CIMB Clicks dan semua transaksi berkaitan dengannya. Berhubung dengan sebarang tindakan atau prosiding undang-undang berbangkit daripada atau berkaitan dengan Perjanjian ini ("Prosiding"), setiap pihak dengan tidak boleh batal berserah kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia dan mengetepikan apa-apa bantahan terhadap Prosiding di mana-mana mahkamah sedemikian atas alasan tempat atau atas alasan bahawa Prosiding telah dibawa di forum yang tidak sesuai.

30. PENGENDALIAN ADUAN

Sekiranya ada sebarang aduan tentang Perjanjian ini, nota boleh dikemukakan kepada pusat atau cawangan CIMB di mana GIA melalui CIMB Clicks dipegang. Sekiranya penjelasan atau penyelesaian yang diberikan oleh Pusat atau cawangan CIMB tidak memuaskan, 'Customer Resolution Unit' Bank boleh dihubungi di alamat, alamat e-mel, nombor telefon dan faks (atau di sebarang alamat, alamat e-mel, nombor telefon dan faks lain yang boleh diubah oleh Bank melalui makluman): 'Customer Resolution Unit', di P.O.Box 10338 , GPO Kuala Lumpur, 50710 Kuala Lumpur alamat e-mel: cru@cimb.com Tel: 03-6204 7788